

21 JUL 2000

Pemuda-Al-Ma'unah

AL-MA'UNAH: KERAJAAN DIMINTA LANCAR OPERASI PEMBERSIHAN

PASIR MAS, 21 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta kerajaan melancarkan operasi pembersihan secara besar-besaran terhadap anggota dan penyokong kumpulan Al-Ma'unah serta mereka yang melemparkan fitnah sehingga rakyat membenci kerajaan.

Ketua Penerangan pergerakan itu Azimi Daim berkata mereka yang terlibat itu perlu ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi menyelamatkan negara daripada keadaan huru-hara.

"Ini (tindakan) yang sebaik-baiknya. Kita harus memikirkan kestabilan politik negara pada hari ini yang boleh menjamin keutuhan ekonomi kita dan boleh menjamin segala masalah rakyat dapat diselesaikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Sukan Pasir Mas di sini.

Azimi yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas bahawa peristiwa rompakan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah di dua kem tentera di Grik, dan diikuti dengan pembunuhan dua tebusan berpunca daripada kempen politik kebencian terhadap kerajaan oleh pihak tertentu.

"Sekiranya kita (kerajaan) biarkan keadaan itu, kestabilan negara akan tergugat, ekonomi kita akan tergugat dan masalah sosial akan kembali," katanya.

"Kita berharap sangat kepada kerajaan supaya mengambil tindakan tegas bukan sahaja kepada penyokong kumpulan Al-Ma'unah tetapi kepada sesiapa sahaja yang secara terang-terang melemparkan fitnah terhadap kerajaan," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga perlu segera mengambil tindakan tegas untuk membendung kegiatan mereka yang membuat dakwaan kononnya insiden Sauk adalah sandiwara Umno.

"Perkara ini bukan perkara remeh-temeh kerana sekiranya dibiarkan dakwaan seperti itu boleh menyebabkan timbulnya kebencian antara kaum," katanya.

Azimi berkata Pemuda Umno sedang giat menjalankan ceramah di seluruh negara untuk memberi penjelasan tentang isu-isu semasa termasuk isu Sauk kepada rakyat agar mereka tidak terpedaya dengan helah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata pergerakan itu juga mengatur pelbagai program yang boleh mendekatkan golongan pemuda kepada aktiviti yang bermanfaat seperti sukan.

-- BERNAMA

BD NMO